

Bahagian A
[40 markah]
Jawab semua soalan.

1 Soalan 1 berdasarkan gambar 1 dan gambar 2 di bawah.



X
Gambar 1



Y
Gambar 2

(a) Berdasarkan gambar 1 dan 2 di atas, namakan seni bina yang bertanda :

X :

Y :

[2 markah]

(b) Jelaskan fungsi binaan di 1(a).

.....
.....
.....

[2 markah]

(c) Bagaimanakah seorang pemerintah pada zaman tersebut mampu membina binaan yang hebat ?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(d) Gambar 3 menunjukkan Menara Berkembar Petronas.



Gambar 3

Bagaimanakah mercu tanda di atas berjaya memajukan negara kita?

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

2 Di Madinah, sejak tahun 622M atau 1H, sehinggalah pembukaan semula kota Makkah pada tahun 630M atau 8H beberapa siri peperangan antara Quraisy Makkah dengan orang Islam Madinah telah berlaku.

(a) Senaraikan siri peperangan antara orang Quraisy Makkah dengan orang Islam Madinah.

i).....

ii).....

[2 markah]

(b) Jelaskan garis panduan peperangan dalam Islam.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Garis panduan peperangan dalam 1 (b) dapat mengelakkan dari berlakunya pencabulan terhadap hak asasi manusia. Bincangkan.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 Peranan akhbar dan golongan wartawan telah menimbulkan kesedaran politik dalam kalangan orang Melayu untuk menubuhkan persatuan sebagai alat untuk memperjuangkan hak dan kepentingan mereka.

(a) Nyatakan matlamat persatuan-persatuan berikut.

i) Persatuan Sahabat Pena Malaysia (PASPAM)

.....
.....

[1 markah]

ii) Kesatuan Melayu Muda (KMM)

.....
.....


[1 markah]

(b) Jelaskan kejayaan persatuan-persatuan di atas.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Rajah 1 menunjukkan aktiviti-aktiviti kokurikulum yang dijalankan di semua sekolah di Malaysia.



Rajah 1

Sejauhmanakah persatuan-persatuan dalam aktiviti kokurikulum di sekolah dapat meningkatkan jati diri pelajar?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

4 Seperti mana generasi muda sedar akan Hari Kemerdekaan tanggal 31 Ogos setiap tahun, maka begitu jugalah mereka akan sedar akan peri penting tarikh 16 September dalam lipatan sejarah

<http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/7407-hari-malaysia>

(a) Nyatakan cadangan ke arah pembentukan Malaysia oleh tokoh-tokoh berikut:

i) Lord Brassey

.....
.....

[1 markah]

ii) Lee Kuan Yew

.....
.....

[1 markah]

iii) Dato' Onn Jaafar

.....
.....

[1 markah]

(b) Mengapakah idea-idea yang dicadangkan di 4 (a) penting kepada pembentukan Malaysia sehingga kini.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Sejauhmanakah pembentukan Malaysia memberi kesan kepada sistem pentadbiran negara kita hari ini?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja

- 5 Agama Hindu dan Buddha telah meninggalkan kesan yang ketara ke atas pelbagai kehidupan masyarakat awal di Asia Tenggara.
- (a) Jelaskan cara-cara kedatangan pengaruh Hindu dan Buddha ke Asia Tenggara. *[4 markah]*
- (b) Pengaruh Hindu- Buddha wujud dalam sistem pemerintahan di Asia Tenggara. Buktikan pernyataan ini. *[8 markah]*
- (c) Andaikan anda sebagai seorang pemerintah, bagaimanakah anda dapat memantapkan sistem pemerintahan negara kita? *[8 markah]*
- 6 Penyebaran Islam di Makkah telah menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan masyarakatnya. Ada orang Arab yang menerima Islam dan ada juga yang menolak serta menentang ajaran Islam dengan pelbagai cara.
- (a) Apakah cara penentangan masyarakat Arab terhadap penyebaran agama Islam oleh Nabi Muhammad s.a.w? *[4 markah]*
- (b) Mengapakah terdapat orang Arab Quraisy yang menerima ajaran Islam dengan mudahnya? *[8 markah]*
- (c) Bersetujukah anda bahawa agama dan kepercayaan adalah aspek penting dalam membina sebuah tamadun bangsa yang unggul di mata dunia? Bahaskan. *[8 markah]*

- 7 Peta 1 menunjukkan bandar-bandar terkenal di Itali yang berkembang semasa Zaman Renaissance.



Peta 1

- (a) Mengapakah Zaman Renaissance berlaku di sini? [4 markah]
- (b) Terangkan kesan Zaman Renaissance kepada masyarakat Eropah. [8 markah]
- (c) Sejauhmanakah Zaman Renaissance dapat membentuk masyarakat yang berinovatif dan berkreativiti tinggi di negara kita? [8 markah]
- 8 Terdapat pelbagai tahap gerakan nasionalisme di Asia Tenggara.
- (a) Terangkan ciri-ciri gerakan nasionalisme pada tahap pertama yang berlaku di Asia Tenggara. [4 markah]
- (b) Mengapakah semangat nasionalisme muncul di Thailand walaupun tidak pernah dijajah oleh mana-mana negara? [8 markah]
- (c) Sebagai warganegara Malaysia, jelaskan bagaimana semangat nasionalisme dapat mengekalkan kedaulatan negara? [8 markah]
- 9 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ditandatangani pada 15 Ogos 1957 melalui Suruhanjaya Reid.
- (a) Jelaskan peranan Suruhanjaya Reid. [4 markah]
- (b) Terangkan isi penting yang terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. [8 markah]
- Malaysia telah mampu bersaing di persada dunia melalui kejayaan dalam bidang ekonomi, politik, dan sosial.
- (c) Mengapakah anda perlu berbangga dengan negara Malaysia pada hari ini ?
Beri penjelasan anda. [8 markah]

10 Pilihanraya ialah proses memilih wakil rakyat untuk memerintah sama ada pada peringkat negeri atau persekutuan. Pilihanraya di Malaysia dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)

- (a) Apakah peranan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) [4 markah]
- (b) Bagaimanakah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melaksanakan pilihanraya di negara kita? [8 markah]
- (c) Pilihanraya dapat mengekalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di negara kita. Buktikan. [8 markah]

11 Gambar 4 menunjukkan lawatan kerja Perdana Menteri Malaysia ke Jepun.




Gambar 4

- (a) Mengapakah negara kita perlu menjalinkan hubungan baik dengan negara luar? [4 markah]

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Sejarah • Politik |
|--|

- (b) Bagaimanakah faktor di atas mempengaruhi hubungan luar negara kita? [8 markah]

- (c) Rajah 2 menunjukkan cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi oleh negara kita.



Rajah 2

Jelaskan langkah-langkah yang harus dilakukan oleh kerajaan untuk menghadapi cabaran di atas.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT